

21 MAC 2018

Tiga sahabat edar syabu, heroin diberkas

Tiga sahabat edar syabu, heroin diberkas



INILAH barang rampasan dadah milik tiga lelaki yang dipercayai terlibat mengedar dadah di sebuah rumah di Taman Mak Mandin, Seberang Perai Utara kelmarin.

SEBERANG PERAI - Perbuatan licik tiga sahabat lelaki menjalankan aktiviti mengedar syabu dan heroin di kawasan Butterworth di sini akhirnya memakan diri apabila mereka diberkas polis di sebuah rumah di Taman Mak Mandin, Seberang Perai Utara (SPU) kelmarin.

Suspek yang bekerja sebagai buruh binaan berusia antara 48 hingga 51 tahun itu ditahan sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara dalam operasi Op Tapis kira-kira pukul 1 petang.

Ketua Polis Daerah SPU, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, hasil pemeriksaan lanjut pihaknya menemui tiga peketer lut sinar dan satu keratan penyedut minuman berisi dadah

disyaki jenis heroin bersama 18 plastik lut sinar yang mengandungi syabu seberat 51.5 gram.

"Soal siasat yang dijalankan terhadap suspek terbabit menyatakan dadah tersebut untuk kegunaan sendiri dan polis masih menjalankan siasatan berhubung kegiatan yang dilakukan mereka.

"Hasil ujian saringan air kencing ke atas ketiga-tiga lelaki itu juga didapati positif methamphetamine dan nilai bagi keseluruhan barangan yang dirampas dianggarkan RM3,700," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, kesemua suspek terbabit telah ditahan reman selama tujuh hari mulai semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B, Seksyen 39A(2) dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.